

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN (SEPANGGAR)

SOALAN

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah sesi libat urus Bersama Kerajaan Negeri Sabah, Wakil Rakyat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mengenai cadangan pemberian tanda pengenalan diri IMM13 kepada semua pendatang dengan izin mahupun tanpa izin yang dikategorikan sebagai tidak bernegara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) telah ditubuhkan oleh Kerajaan susulan daripada syor Suruhanjaya Siasatan Diraja (*Royal Commission of Inquiry* - RCI) Mengenai Pendatang Asing di Sabah bertujuan untuk mengkaji dan membincangkan isu berkaitan pendatang dan orang asing di Sabah. Sehubungan itu, Kementerian sedang mengkaji cadangan penggunaan Pas IMM13 bagi menggantikan dokumen-dokumen sedia ada seperti Kad Burung-Burung dan Sijil Banci di Sabah secara teliti dan berhati-hati dengan penglibatan Kerajaan Negeri Sabah melalui JKPWAS.

Komposisi JKPWAS yang merangkumi JKPWAS Induk yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Dalam Negeri dengan YAB Ketua Menteri Sabah serta JKPWAS Teknikal yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah merupakan platform terbaik bagi mencari penyelesaian berkenaan pengurusan pendatang dan orang asing di

SOALAN NO : 291

Sabah. Ini adalah kerana keahlian kedua-dua Jawatankuasa tersebut yang merangkumi penglibatan Jabatan/Agensi/Bahagian peringkat Persekutuan dan Negeri seperti Jabatan Ketua Menteri (JKM) Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta beberapa Jabatan/Agensi yang lain.

Dengan mengambil kira pembentukan Kerajaan Negeri Sabah yang baharu serta kepentingan keselamatan negara dan negeri Sabah khususnya, cadangan ini akan diperhalusi dan dibincangkan tertakluk kepada hala tuju dan persetujuan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah yang baharu. Ini bagi memastikan setiap usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dapat diterima dan difahami oleh semua pihak yang berkepentingan serta mengelakkan daripada isu pendatang dan warga asing terus membelenggu pembangunan ekonomi dan sosial di negeri Sabah.